

Sketsa Dialek Melayu Pahang

M. Tarmizi Hasrah

Rahim Aman

Shahidi A. H

Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

[*mijihrasah@gmail.com*](mailto:mijihrasah@gmail.com)

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk memaparkan tradisi penelitian dialek Pahang; sebuah dialek yang dituturkan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, atau secara tepatnya dialek yang dituturkan di negeri Pahang. Pemaparan mengenai tradisi penelitian dialek ini berkonsepkan pengulasan kritis terhadap segala literatur yang pernah menelitinya, yakni bermula dengan literatur pada awal abad ke-20 (yang paling awalnya ialah oleh A. J. Sturrock pada tahun 1912) hinggalah ke literatur yang terbit pada masa kini. Makalah ini juga turut memaparkan penelitian dialek lain yang terdapat di Pahang, disamping memaparkan justifikasi mengapa dialek-dialek ini harus dikelompokkan di luar label "Dialek Pahang." Makalah ini seterusnya mencadangkan beberapa penelitian lanjutan yang perlu dikerjakan oleh para sarjana linguistik agar pemahaman mengenai dialek Pahang menjadi lebih jelas. Makalah ini membuktikan bahawa pemahaman mengenai dialek Pahang mampu menyumbang kepada pengukuhan teori persebaran dialek Melayu di Semenanjung.

Kata kunci: Dialek Pahang, pengelompokan, inovasi khas, subdialek, teori persebaran dialek Melayu.

Abstract

This paper aims to present the research tradition of Pahang dialect; a dialect which is spoken in the East Coast of Peninsular Malaysia, specifically the dialect spoken in the Pahang state. Illustration of the traditional dialect research was based on critical review of previous related literatures that begins with the literature in the early 20th century (the earliest work is by A. J. Sturrock, 1912) until the latest published work. This paper also shows the research of other dialects in Pahang and indicates the fact that it should be classified outside the label of "Pahang dialect." This paper then proposed that some further research should be done by linguists in order to have a clear picture of Pahang dialect. This paper proved that such understanding of Pahang dialect may significantly contributes to the distributional of Malay dialect theory of Peninsula Malaysia.

Keywords: Pahang dialect, classification, specific innovation, sub dialect, Malay dialect theory

Pengenalan

Sebuah anekdot jikalau menjejakkan kaki ke negeri Pahang adalah mengenai dialeknya. Bagi penduduk-penduduk di sini, orang Pahang bertutur mengikut arus sungai; jika deras arusnya, maka lajulah pertuturannya, sebaliknya, jika arusnya perlahan, maka perlahan pula pertuturannya. Sejauh mana benarnya anekdot ini tidaklah pula diketahui kerana ia tidak pula disandarkan dengan suatu pembuktian bersifat ilmiah. Namun, itu bukanlah menjadi persoalan kerana yang menarik perhatian kita adalah kesedaran mereka mengenai keragaman dialektal itu sehingga mereka boleh mengesannya walau hanya dengan persepsi sahaja.

Sebagai sebuah negeri terbesar di Malaysia Barat dan keagungan sejarah silamnya yang meliputi lokasi pendudukan manusia terawal di Kota Gelangi dan Sungai Lembing misalnya (Bellwood 1997), pembentukan entiti politik sejak abad ke-10 (Wheatly 1969) dan keterlibatan dalam jaringan ekonomi dan politik antarabangsa sebagaimana yang tercatat dalam rekod-rekod China dan Arab (Linehan 1936; Buyong 1972; Cant 1973), penelitian kebahasaan di Pahang sememangnya sesuatu yang sangat menarik untuk dikerjakan. Hal ini kerana hubungan kebudayaan (politik, ekonomi dan kependudukan) dengan perkembangan kebahasaan merupakan sesuatu yang berselari dan mempengaruhi antara satu sama lain (Asmah 1977, 2005; Collins 1999). Hubungan ini pernah diuji dalam beberapa penelitian dialek Melayu dan menghasilkan suatu dapatan yang memperlihatkan ciri dialek Melayu yang aneh yang seterusnya menyumbang kepada pemahaman tambahan tentang induknya. Lihat antaranya penelitian Collins di Ulu Terengganu (1983b), di Pulau Tioman (1985a), di Sarawak (1987), di Hulu Tembeling (1998), dan penelitian Anderbeck di Palembang (2005).

Justeru itu, makalah ini bertujuan untuk menelusuri tradisi penelitian Dialek Pahang (seterusnya DP). Usaha penelusuran ini dibuat dengan meninjau segala literatur mengenainya yang disertai dengan ulasan oleh penulis. Walau bagaimanapun, cara penulis merepresentasikan penelusuran itu adalah dengan membahagikannya kepada dua, iaitu menelusuri penelitian kebahasaan secara umum dan menelusuri penelitian DP secara

khusus. Seterusnya, setiap literature itu akan dinilai kekuatan dan kelemahan masing-masing dengan tuntas. Bahagian akhir makalah ini penulis mencadangkan beberapa penelitian selanjutnya terhadap dialek ini.

Penelitian Kebahasaan di Pahang

Terdapat beberapa penelitian kebahasaan secara umum di Pahang seperti penelitian terhadap dialek Hulu Tembeling, dialek Pulau Tioman dan dialek Jakun. Setiap kajian ini akan dibincangkan secara ringkas di sini disebabkan dialek-dialek tersebut merupakan dialek tersendiri yang memperlihatkan banyak perselisihan fonologi dengan DP. Lihat, misalnya bahasan Collins (1985, 1987a, 1987b, 1998 dan 1999) tentang ciri linguistik dan status dialek-dialek tersebut. Oleh sebab dialek-dialek tersebut merupakan dialek tersendiri, maka memadai jika perbincangan mengenainya hanya dibuat secara ringkas sahaja.

Walaupun telah diakui bahawa dialek-dialek itu adalah dialek tersendiri, namun ada juga sarjana yang menganggap dialek Hulu Tembeling misalnya, merupakan variasi DP. Antara yang beranggapan sedemikian ialah Nik Safiah & Ton Ibrahim (1977) dan Asmah (2008), dan kajian terbaru yang seakan-akannya menerima anggapan sebegini ialah Maslida (2007) dalam tulisan berjudul *The relationship of verbs meaning in Pahang Malay dialects*. Walau bagaimanapun, penelitian yang diusahakan oleh Collins (1998, 1999) di kawasan tersebut didapati bercanggah dengan anggapan para sarjana tersebut.

Menurut Collins (1998, 1999), dialek Hulu Tembeling atau dikenali juga oleh penduduk di kawasan tersebut sebagai “cakap ulu” dan diakui juga sebagai “bahasa lama” (Collins 1999: 214), haruslah dianggap sebagai dialek tersendiri disebabkan cirinya yang aneh apabila dibandingkan dengan ciri dialek-dialek Melayu di Semenanjung. Ciri dimaksudkan itu ialah diftongisasi konsonantal pada akhir kata.¹ Kewujudan ciri tersebut bukan sahaja memisahkan dialek Hulu Tembeling daripada DP, malah, seperti yang dipertegas oleh Collins (1999: 214), kewujudan ciri tersebut jelas memperlihatkan “...sejenis dialek Melayu yang, dalam beberapa hal menyimpang jauh daripada kebanyakan

¹ Diftongisasi konsonantal bermaksud konsonan sengau akhir kata (dalam suku kata tanpa konsonan sengau lain) mengalami sejenis proses diftongisasi, iaitu konsonan sengau akhir itu ditambahkan atau diiringi dengan konsonan sekatan (yang dibunyikan pada titik artikulasi yang sama) sebagai konsonan pembuka atau konsonan iringan. Misalnya /-n/ > [tn] / ___ #; contohnya: /bulan/ > [bulatn] (Collins 1999: 214-215).

dialek Melayu Semenanjung.”² Di samping kewujudan ciri khas tersebut, terdapat juga ciri am DP yang tetap dipertahankan oleh dialek Hulu Tembeling. Namun demikian dengan adanya ciri khas itu sudah cukup untuk mengkategorikan dialek Hulu Tembeling sebagai dialek tersendiri.

Sebenarnya, terdapat kemungkinan lain yang dapat difikirkan apabila frasa “terdapat juga ciri am DP yang dipertahankan oleh dialek ini” digunakan. Kemungkinan itu adalah, antara lainnya, bahawa dialek Hulu Tembeling berkemungkinan merupakan dialek sumber kepada DP yang khusus itu, bukannya subdialek Pekan seperti yang didakwa oleh Asmah (2008). Andaian tersebut disandarkan kepada penemuan awal oleh sekumpulan peneliti semasa mereka melakukan kajian lapangan di tiga buah kampung di Hulu Tembeling; Kampung Bantal, Kampung Mat Daling dan Kampung Gusai (M, Tarmizi, Rahim dan Shahidi akan terbit). Dapatan awal mereka memperlihatkan dialek Hulu Tembeling mengekalkan beberapa ciri fonologi MP, antaranya vokal *i dan *u dan penambahan konsonan glotal pada posisi akhir dalam kata yang berakhir dengan vokal (akan terbit).

Kemungkinan lain yang boleh difikirkan adalah wujudnya pinjaman antardialek. Ini kerana telah wujud kontak yang lama antara penduduk di Hulu Tembeling dengan penduduk di Hulu Terengganu. Perkara ini diceritakan oleh penduduk Hulu Tembeling semasa penulis melakukan penelitian di sana bahawa dulu mereka sering berulang-alik ke Hulu Terengganu dengan memudiki Sungai Tembeling. Jikalau diperhatikan peta yang digunakan oleh Collins (1999: 180) jelas menunjukkan pertemuan hulu Sungai Tembeling dengan hulu Sungai Terengganu. Walau bagaimanapun, tidak perlulah dibincangkan mengenai perkara ini dengan panjang lebar kerana bukanlah menjadi matlamat makalah ini. Malah, dakwaan tersebut masih belum lagi dibuktikan secara muktamad, sekadar andaian-andaian awalan sahaja.

² Ciri diftongisasi konsonantal turut diperlihatkan dalam bahasa bidayuhik varian Sungai Kalan, bahasa Dayak Darat (Bidayuhik), bahasa Tanjung (Kalimantan Timur), bahasa Lom (Bangka-Belitung), bahasa Rejang (Barat Daya Sumatera), bahasa Mentawai (Pulau Barrier, Sumatera Barat), bahasa Urak Lawoi’ (pulau di pantai barat selatan Thai) dan, bahasa Chamic (selatan Vietnam dan Hainan) (Chong Shin 2009).

Selanjutnya, bagi dialek Pulau Tioman pula, bukti-bukti linguistik (fonologi dan leksikal) menunjukkan terdapatnya hubungan dialek ini dengan dialek-dialek Melayu di Pulau Borneo, antaranya dengan dialek Sarawak dan bahasa Iban.³ Mengenai dialek Jakun pula, iaitu satu dialek yang dituturkan oleh komuniti Jakun (atau dikenali juga sebagai Orang Hulu atau Melayu Proto) yang bahasanya dapat dikategorikan sebagai tergolong ke dalam dialek Melayu. Namun, seperti juga kedua-dua dialek yang disentuh sebelumnya, dialek Melayu ini tetap juga memperlihatkan perselisihan linguistik yang sangat ketara dengan DP (Collins 1985b).⁴

Di samping penelitian dialek-dialek di Pahang yang berkerabat dengan dialek Melayu ada juga penelitian bahasa yang tiada hubungan genetik dengan dialek Melayu dan bahasa Austronesia, iaitu penelitian bahasa-bahasa Austro-Asia atau bahasa-bahasa “Orang Asli.” Banyak juga penelitian terhadap bahasa-bahasa tersebut di Pahang, lihat antaranya kajian oleh Sircom (1912), Evans (1920) dan yang agak baharu sedikit ialah kajian Hoe Ban Seng (2001).

Penelitian Dialek Pahang

Beberapa penelitian telahpun dilakukan terhadap DP. Antara yang terawal melakukannya ialah A. J. Sturrock (1912). Dalam tulisannya itu, Sturrock mencuba membandingkan tiga buah dialek Melayu; dialek Kelantan, Perak dan Pahang (yang digelarnya “*Central Pahang*”). Perbandingan oleh beliau itu dilakukan dalam dua aspek, iaitu aspek kosa kata/leksikal dan aspek penyebutan. Segi kosa kata, menurut Sturrock (1912: 1), “...*the dialect of Perak and Pahang are little different.*” Frasa “*little different*” dalam pernyataan itu timbul ekoran wujudnya perbezaan antara kedua-dua dialek yang dibandingkan dalam 14 kosa kata.⁵ Manakala, dari segi yang kedua pula, muncul beberapa kelainan penyebutan dalam DP. Beliau selanjutnya meneruskan bahawa dialek ini lebih mendekati lafaz

³ Antara ciri yang dikongsi oleh dialek Pulau Tioman dengan dialek Melayu di Pulau Borneo adalah penokokan /-ʔ/ pada sesetengah kata yang berakhir dengan vokal, penyingkatan kelompok NK dalam kata trisilabik (Collins 1985, 1987).

⁴ Perselihan yang jelas dan diakui wujud dalam dialek Melayu Jakun yang berbeza dengan dialek Pahang antaranya status fonem /-ʔ/ yang bersifat fonemik (Collins 1985: 481).

⁵ Antaranya *hak* ‘yang’, *camcah* ‘sudu’, *molek* ‘elok’, *selalu* ‘langsung’, *rajin* ‘selalu’, *lalu* ‘sama sekali’, *kerap* ‘sering’, *amat* ‘sangat’.

standard. Alasannya adalah “*final –l is slurred but is not absolutely miss pronounced as in Perak...The final –ai and –au are also slurred, and are pronounced almost as –a*” (Sturrock 1912: 4-5) Dakwaan Sturrock ini seolah-olah bertentangan pula dengan kenyataan kelainan penyebutan yang ditampilkan pada awalnya kerana kelainan itu jelas tidaklah menyokong dakwaan beliau itu. Demikianlah penerangan ringkas Sturrock mengenai DP. Dengan hanya berpandukan sebanyak 18 kosa kata dan beberapa ciri penyebutan yang mendasari hujahnya, sudah tentu dengan bahan yang sedikit ini menyukarkan penghuraian berpada dibuat.

61 tahun sesudah Sturrock, Ismail Hussain melalui sebuah tulisan berjudul *Malay Dialect in the Malay Peninsula* turut memuatkan perbincangan ringkas mengenai DP. Melalui penelitian cemerlang yang bertujuan untuk mendeskripsi kepelbagaian dialek Melayu di Semenanjung ini, Ismail mengutarakan dua perkara yang penting berhubung DP untuk dipaparkan dalam makalah ini. Pertamanya mengenai kelainan fonetik di Pahang. Ini dapat diringkaskan melalui jadual di bawah:

Jadual 1: Kelainan Fonetik DP

Sumber: Diubahsuai dari Ismail (1973, lihat juga Collins 1983a)

Bentuk Tulisan	Bentuk Fonetik	Catatan
-ar	ɔ	bəɔ
-al	ɛ	kaɛ
-as	a ^y h	...
-ay	ɛ	guɛ
-aw	ɔ	pulɔ
-ak	ɔʔ	anɔʔ
-ah	ɔh	ayɔh

Keduanya, dan ini yang dirasakan penting, ialah kesimpulan Ismail mengenai gejala dialektal di kawasan ini. Menurutny (Ismail 1973: 78), “*Pahang state is the most “unstable” dialectically, there is no one defined dialect as it is, but highly mixed.*” Kesimpulan yang agak mengejutkan juga, malah mengimplikasikan pula beberapa perkara lain. Antaranya kesimpulan sebegini memperlihatkan yang DP bukan sebuah dialek yang utuh dan tersendiri kerana tiadanya ciri khas/inovasi khas (lihat juga Wan Sulaiman 1983),

dan ini menatijahkan pula ketidaksahihan penamaan “Dialek Pahang” itu sendiri yang memerlukan ciri khas/inovasi khas untuk penamaannya itu (akan dibicarakan selebihnya nanti).

Selang sedekad kemudian, yakni tahun 1983, Collins menerbitkan sebuah makalah panjang berjudul *Dialek Pahang: Rangka Pengenalan* secara berturut-turut dalam dua keluaran Jurnal Bahasa. Makalah ini sebagaimana difahami dari judulnya membincangkan DP variasi Temerloh. Sebanyak enam buah titik penelitian dikunjungi dan enam ciri fonologi yang dibincangkan.⁶ Walau bagaimanapun, hanya satu ciri daripada keenam-enam ciri itu yang akan disentuh di sini. Alasannya adalah kerana ciri itu merupakan “inovasi khas” DP (Collins 1983a: 20). Yang dikatakan sebagai inovasi khas dalam makalah tersebut ialah ciri penyesuaian vokal yang hadir sebelum konsonan [\pm koronal] yang dapat pula dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 2: Penyesuaian Vokal Sebelum Konsonan Nasal

Sumber: Diubahsuai dari Collins (1983a)

Makna	P. Pasir Mandi	Purun	Sanggung Seberang	Seberang Guai	Musir
tangan	[taŋǣ]	[taŋǣ]	[taŋa ⁿ]	[taŋǣ]	[taŋǣ]
orang	[oɣǣ]	[oɣǣ]	[oɣǣ]	[oɣǣ ⁿ]	[oɣǣ]
malam	[mǎlǎ]	[mǎlǎ]	[mǎlǎ]	[mǎlǎ ⁿ]	[mǎlǎ]

Berdasarkan maklumat yang dipaparkan dalam jadual di atas, dapatlah diperhatikan bahawa vokal /a/ yang hadir sebelum nasal koronal /n/ direalisasikan sebagai [ǣ]. Sedangkan vokal ini kekal sebagai [a] sebelum nasal tak koronal /m/ dan /ŋ/. Gejala sedemikian walau bagaimanapun tidak hanya terhad pada sistem nasal tetapi turut melibatkan sistem geseran, hentian dan sisian/lateral. Perbezaan realisasi vokal beginilah yang dimaksudkan oleh Collins sebagai inovasi khas itu. Pada bahagian akhir makalah, beliau turut menyentuh mengenai masalah penggolongan/pengelompokkan DP. Baginya masalah itu timbul berikutan kerencaman ciri fonologi yang wujud di Pahang kendati ciri

⁶ Enam ciri fonologi yang dibincangkan oleh Collins ialah konsonan nasal pada akhir kata, konsonan koronal lain pada akhir kata, geseran /ɣ/ pada akhir kata, vokal /a/ pada akhir kata, diftong asal dan konsonan panjang.

khasnya tetap ada. Namun, masalah itu tidaklah menghalang pengelompokan dibuat kerana dalam tulisan lain beliau meletakkan DP sebagai cabang tersendiri (disebabkan inovasi khas itu) di bawah Cabang Semenanjung Timur bersama-sama dialek Kelantan, Patani, Terengganu dan Ulu Terengganu (Collins 1999: 245).

Satu perkara menarik mengenai makalah Collins ini adalah perbincangan di dalamnya sebenarnya lebih lengkap berbanding dua tulisan sebelumnya oleh Sturrock dan Ismail yang hanya membincangkan DP sebagai sub-bahagian sahaja dari keseluruhan tulisan mereka. Sedangkan dalam makalah Collins ini keseluruhan perbincangannya bertumpu kepada DP.

Kerancangan penelitian DP diteruskan oleh Asmah dalam *magnum opus*-nya, *Susur Galur Bahasa Melayu* (asalnya terbit tahun 1985 tetapi diulang cetak pada 2008) yang memperuntukkan satu bab khusus membincangkan ciri fonologi dialek itu. Walau bagaimanapun, yang penting untuk dipaparkan mengenai buku ini adalah dakwaan Asmah tentang subdialek Pekan sebagai model DP standard, dengan itu “segala yang berlaku di tempat itu merupakan rujukan bagi daerah-daerah lain” (Asmah 1985/2008: 294). Dakwaan ini secara langsungnya bererti subdialek Pekan merupakan induk/sumber kepada subdialek-subdialek lain. Selain itu, yang tidak kurang pentingnya adalah pembahagiannya kepada 9 subdialek yang ditentukan berdasarkan nama-nama daerah, misalnya subdialek Kuala Lipis, Benta, Raub, Rompin, Bentong, Jerantut, Pekan, Temerloh dan Hulu Tembeling. Dari situ pula, Asmah memecahkan subdialek-subdialek ini kepada dua kumpulan; satu kumpulan merepresentasi DP (Pekan, Benta, Raub), dan satu kumpulan lagi memperlihatkan ciri yang bercampur-baur (Kuala Lipis, Bentong, Rompin, Jerantut, Temerloh, Hulu Tembeling).

Selain tulisan yang dibincangkan dalam perenggan-perenggan di atas, ada juga beberapa tulisan lain, antaranya Mohd Anwar (1985) yang mendeskripsi fonologi DP di Pekan, Abdul Rahsid (1985) yang membandingkan fonologi DP (Pahang Barat) dengan bahasa standard, Asiah (1987) yang meneliti DP di Maran, Ajid & M. Tarmizi (2009) yang menjejaki inovasi khas DP di Hulu Pahang, Marlyna (2009) yang melihat perubahan dan pengejalan penggunaan DP di Pekan dan yang agak baharu oleh penulis makalah ini (M. Tarmizi, Rahim & Shahidi 2010) yang cuba mengutarakan pengelompokan DP berasaskan aliran sungai. Selain dari itu terdapat juga beberapa tesis sarjana yang meneliti DP,

antaranya Norsuhaila (2009) dan salah seorang penulis makalah ini, M. Tarmizi (2011) (termasuk latihan ilmiah Wan Sulaiman 1983 dan M. Tarmizi 2009). Beberapa penelitian yang disenaraikan itu akan disentuh pada bahagian yang berkaitan.

Penilaian

Dua isu akan dibangkitkan dalam bahagian ini berdasarkan ulasan yang dibuat pada bahagian sebelumnya. Dua isu yang dimaksudkan bersangkutan dengan penentuan status DP dan pengelompokannya. Isu pertama berlegar dalam lingkungan penentuan ciri DP sehingga membolehkan penamaan “Dialek Pahang” diwujudkan. Perbincangan mengenai isu pertama secara tidak langsungnya berkait pula dengan isu kedua, iaitu pengelompokan, kerana dengan adanya ciri khas/inovasi khas membolehkan pengelompokan dibuat. Turut disentuh dalam isu kedua ialah mengenai pengelompokan dalaman.

Percampuran dan Ciri Inovasi Khas Dialek Pahang

Perkara kritikal yang muncul dalam penelitian lepas adalah mengenai penentuan status DP. Persoalan yang muncul apabila menyentuh mengenainya berkait dengan penamaan DP itu sendiri. Dalam hal ini, apabila kewujudan sesebuah dialek diakui penamaannya, dalam kes ini DP, tentunya ada ciri khas/inovasi khas yang menjadi justifikasinya. Jika tiada ciri khas/inovasi khas itu, tidak mungkin boleh diwujudkan sebuah nama khusus untuknya. Boleh sahaja penamaan tersebut dibuat dengan tujuan semata-mata untuk menamakan dialek yang dituturkan oleh penduduk sesebuah negeri, Pahang misalnya, walaupun ciri linguistiknya masih belum diketahui seperti yang terlihat dalam daftar kanonik⁷ dialek-dialek Melayu yang ditentang oleh Collins (1999: 157). Jika demikian penamaannya, maka bersalahan pula dengan persoalan teoretikal yang mengandaikan sempadan dialektal tidak boleh disamakan dengan sempadan politik kenegerian (Collins 1998b, 1999).

Berdasarkan ulasan penelitian lepas, kerap juga yang menyatakan DP merupakan sebuah dialek campuran. Ini dapat dilihat dalam penelitian Strurrock, Ismail, Collins dan Asmah. Ismail misalnya secara nyata mencatat DP sebagai “...”*unstable*” *dialectically*,

⁷ Dalam tafsiran Collins (1999) daftar kanonik dialek Melayu merujuk kepada senarai yang menjadi pegangan sejak sekian lama tanpa sebarang gugatan. Bagi beliau lagi, Winstedt harus diangkat sebagai peletak dasar daftar dialek yang bersifat begini.

there is no defined dialect as it is, but highly mixed.” Bagi Asmah di Pahang banyak sekali memperlihatkan ciri dialek lain iaitu dalam kumpulan kedua pengelompokkan beliau. Manakala pendirian Collins dapat dilihat dalam bahagian akhir makalah beliau yang menyatakan kesukaran untuk mengelompokkan DP disebabkan cirinya yang rencam. Jikalau disandarkan kepada pendapat sarjana-sarjana ini, kita tidak mungkin dapat menyahihkan penamaan “Dialek Pahang” kerana tiadanya ciri khas/inovasi khas itu.

Walau bagaimanapun, berbeza dengan Ismail, Asmah dan Collins ada mengutarakan ciri khas/inovasi khas DP. Asmah berpendapat ciri khas/inovasi khas DP dapat ditinjau dalam subdialek Pekan kerana baginya subdialek ini merupakan subdialek Pahang yang standard, oleh itu “...merupakan pusat bagi penyebaran ciri-ciri bahasa dan pembaharuannya kepada subdialek-subdialek lain” (Asmah 1985/2008: 311). Asmah justeru memberikan tiga ciri khas DP: i) vokal /-a/ menjadi [-ə]; ii) vokal /a/ sebelum /h/ dan /k/ menjadi [ɔ]; dan iii) seperti di bawah:

i. Peraturan 1

Vokal mengalami perubahan tertentu apabila hadir sebelum geseran /-s/ yang berubah menjadi [-h]. Vokal /a/ > [ay]; vokal /i/ > [e]; dan vokal /u/ > [oy].

ii. Peraturan 2

Geseran /-ʎ/ digugurkan dan vokal sebelumnya mengalami perubahan nilai. Vokal /i/ dan /e/ berubah menjadi [e] dan vokal /a/ dan /u/ > [ɔ].

iii. Peraturan 3

Konsonan /-l/ mengalami pengguguran dan mempengaruhi vokal sebelumnya. Vokal /a/ dan /i/ > [e]; sedangkan vokal /u/ > [oy].

Jika diperhalusi ketiga-tiga ciri fonologi di atas dengan membandingkannya dengan dialek-dialek Melayu lain, dapat dikesan bahawa ciri itu bukanlah milik eksklusif DP, malah turut muncul dalam beberapa dialek lain. Ciri pertama misalnya muncul dalam dialek Selangor (Collins 1996) dan Muar (Rufus 1966; Collins 1996); ciri kedua muncul dalam dialek Perak (Zaharani 1992) dan Ulu Terengganu (Collins 1983b); manakala ciri

ketiga banyak muncul dalam dialek Perak (Zaharani 1992), Kelantan (Ajid 1986) dan Ulu Terengganu (Collins 1983b).

Andaian yang boleh dibuat dengan melihat kepada gejala ini ialah menghubungkannya dengan konsep kontinum dialek (Chambers & Trudgill 1990) dan menganggap kesemua dialek-dialek itu diturunkan dari induk/sumber yang sama. Namun, kedua-dua andaian ini sebenarnya tetap juga menyatakan bahawa setiap dialek yang telah terpisah akibat faktor geografi dan masa pasti memiliki ciri khas/inovasi khas. Inilah yang tidak ditonjolkan oleh Asmah dalam perbincangannya. Sebaliknya pula bagi Collins, di samping mengakui kerencaman ciri DP, berjaya mengutarakan ciri khas/inovasi khas dialek itu yang digelarnya sebagai penyesuaian vokal sebelum konsonan [\pm koronal] itu. Walaupun corak inovasi ini muncul juga dalam dialek Negeri Sembilan dan Ulu Terengganu, namun arah perubahan vokal dalam DP dengan kedua-dua dialek itu berbeza sama sekali.⁸ Inovasi inilah yang menurut beliau telah memisahkan DP dengan cabang tersendiri di bawah Cabang Semenanjung Timur daripada dialek-dialek Pantai Timur yang lain (Collins 1999: 345). Walau bagaimanapun, dapatan Collins mengenai ciri khas/inovasi khas itu hanya terbatas pada satu ciri itu sahaja.

Pengelompokan Dialek Pahang

Dua isu akan difokuskan dalam sub-bahagian ini, pengelompokan luaran dan pengelompokan dalam. Maksud kedua-dua pengelompokan luaran dan dalaman di sini merujuk kepada pengelompokan DP dengan dialek-dialek Melayu lain (pengelompokan luaran) dan pengelompokan antarvarian DP (pengelompokan dalaman). Dari segi pengelompokan luaran, kebanyakan peneliti sepertinya berdiri berdiri sebaris sahaja, iaitu bersetuju bahawa DP harus dikelompokkan bersama-sama dialek Pantai Timur yang lain (Collins 1999; Asmah 1985/2008) walaupun pada peringkat awalnya Asmah (1977) memiliki pendapat beliau tersendiri, iaitu dengan mengelompokkan DP di dalam Kelompok Selatan bersekali dengan dialek Johor, Selangor dan Melaka berdasarkan ciri kelainan

⁸ Dalam dialek Ulu Terengganu, bukan ciri koronal yang menjadi pangkal perubahan tetapi konsonan [+ belakang] yang menentukan perubahannya. Manakala, dalam dialek Negeri Sembilan (Kuala Pilah), walaupun menunjukkan pertentangan vokal sebelum konsonan [\pm koronal] tetapi hanya terbatas dalam sistem hentian dan geseran sahaja (Collins 1983a: 108-109).

pepet. Yang agak berlainan ialah pengelompokan Ismail (1973). Baginya, DP harus dikelompokkan di bawah label dialek campuran bersama-sama dialek Linggi, Jelebu dan Segamat. Ini tidaklah menghairankan kerana kesimpulan penelitian beliau pun sejajar dengan pengelompokan itu yang dianggapnya bahawa DP itu “*unstable*” dan “*highly mixed*.”

Dari segi yang kedua pula, fokusnya adalah kepada penelitian Asmah. Dalam bukunya, Asmah membahagikan subdialek di Pahang kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama yang dianggapnya merepresentasi ciri DP, iaitu yang terdiri daripada subdialek Pekan, Raub dan Benta. Manakala, kumpulan kedua yang begitu bercampur baur cirinya terdiri daripada subdialek Kuala Lipis, Bentong, Jerantut, Hulu Tembeling, Rompin dan Temerloh. Muncul persoalan lain jikalau pengelompokan ini diperhalusi, yakni berkaitan dengan nama-nama subdialek yang dipakainya itu. Penamaan sebegini bererti bahawa setiap daerah memiliki subdialek tersendiri yang boleh dibezakan dengan subdialek di daerah-daerah lain. Pengelompokan yang ditentukan dengan menggunakan nama subdialek yang dipadankan dengan nama daerah memperlihatkan kuatnya pengaruh konsepsi sempadan dialek sama dengan sempadan politik di dalamnya. Namun, adakah ciri yang dikatakan khas milik sesebuah subdialek, Kuala Lipis misalnya, akan tamat sebaik sahaja memasuki sempadan Jerantut?

Hakikat yang sebenarnya tidaklah begitu dan ini telah pun dibuktikan oleh penulis dalam tulisan mereka yang lain (M. Tarmizi, Rahim dan Shahidi 2010). Dalam tulisan tersebut (M. Tarmizi, Rahim dan Shahidi 2010: 327), mereka mengutarakan pengelompokan baharu yang berbeza dengan pengelompokan Asmah dengan menjadikan aliran lembangan Sungai Pahang sebagai asas pengelompokan. Walaupun penulis (2010: 328) mengelompokkan DP kepada dua kumpulan subdialek tetapi penamaan terhadap kedua-duanya lebih bersifat geografi dan ini dapat diperhatikan dari nama yang diberikan iaitu subdialek Hulu Pahang dan Hilir Pahang. Tidak ada lagi nama subdialek berdasarkan nama daerah sebaliknya semua subdialek yang memperlihatkan ciri yang sama dikelompokkan sama ada dalam subdialek hulu ataupun hilir. Misalnya, ada varian yang berada dalam daerah Jerantut (Kuala Tembeling) tetapi dimasukkan ke dalam kelompok hilir.

Perbincangan

Penulisan makalah ini adalah dimaksudkan sebagai pengulasan terhadap penelitian DP yang telah dilakukan. Oleh sebab itulah rasanya tidak banyak yang akan diperkatakan dalam bahagian ini melainkan beberapa cadangan yang dirasakan perlu dilakukan oleh para sarjana linguistik yang meminati dialek Melayu. Pertama, menyentuh mengenai cakupan titik penelitian. Dalam penelitian sebelum ini kebanyakannya hanya terbatas kepada kawasan tertentu sahaja, misalnya di daerah-daerah tertentu seperti Temerloh (Collins 1983a), Maran (Asiah 1987) dan Hulu Pahang (Ajid dan M. Tarmizi 2009). Kekecualiannya mungkin penelitian Asmah yang meliputi seluruh negeri Pahang tetapi bermasalah pula dari segi pembahagian subdialeknya. Justeru itu, untuk penelitian selanjutnya titik penelitian perlulah diluaskan supaya mencakupi kawasan yang masih belum dikunjungi, misalnya kampung-kampung yang terletak sepanjang jalan menghala ke Merapoh; atau jika dilihat melalui jaringan sungai kampung-kampung ini terletak berhampiran dengan Sungai Kechau. Walaupun ada kawasan yang telah dikunjungi seperti kampung-kampung di sepanjang Sungai Lipis menghala ke bahagian Pahang Tengah (Raub dan Bentong), namun dapatan penelitian itu dilihat masih lagi belum tuntas, misalnya dakwaan bahawa kawasan ini cukup beragam sekali cirinya (Sturrock 1912; Ismail 1973). Penelitian di kedua-dua kawasan ini dirasakan sangat perlu disebabkan letaknya yang periferal (perkampungan berhampiran Sungai Kechau); keperiferalan sesebuah titik penelitian mampu memberikan dapatan penelitian yang mengejutkan (Collins 1983b); dan sejarah silam kawasan tersebut (perkampungan di Sungai Lipis, Raub dan Bentong) yang dikatakan oleh sesetengah sejarawan (Linehan 1936; Buyong 1970) merupakan kawasan migrasi orang-orang dari Sumatera (antaranya orang Rawa di Raub). Mungkinkah imigran-imigran ini masih mempertahankan bahasa asal mereka ataupun telah berasimilasi dengan dialek setempat. Kalau sudah berasimilasi, bagaimana pula ciri dialeknya?

Cakupan penelitian yang diluaskan seperti itu akhirnya nanti akan membolehkan penentuan batas persebaran DP. Sehingga kini, kita masih belum mendapat gambaran yang jelas mengenai perkara ini. Collins (1983a, 1999) misalnya mendakwa bahawa di kawasan pesisir pantai Pahang, dialek Terengganu yang digunakan, malah beliau dengan lebih tegas lagi menyatakan ciri khas/inovasi khas DP hanya tersebar di Sungai Pahang. Tetapi

dibuktikan bahawa ciri khas itu masih berlanjutan di Hulu Pahang (Sungai Jelai dan Sungai Lipis) (Ajid dan M. Tarmizi 2009). Bagaimana pula dengan kawasan di sempadan yang lain? Di Merapoh misalnya, setakat mana dialek Kelantan digunakan? Begitu juga di Bentong yang berhampiran dengan Selangor dan Triang yang hampir dengan Negeri Sembilan? Dengan memasukkan kawasan-kawasan ini ke dalam senarai yang akan dikunjungi, kita mampu menentukan batas persebaran DP. Dan, dengan itu membolehkan pemetaan dilakukan melalui pembinaan garis-garis isoglos.

Kedua, cakupan analisis. Nyatanya penelitian terdahulu kesemua bertumpu pada aspek fonologi; mungkin disebabkan pada aspek inilah perbezaan antardialek paling menonjol (Asmah 1985/2008: 153). Oleh itu untuk penelitian akan datang dicadangkan agar cakupannya diperluaskan meliputi aspek-aspek linguistik yang lain; Collins (1983a, 1996) ada melaporkan mengenai penelitian aspek morfologi dan sintaksis DP oleh Ras (1970) dan Mohammad Eswan (1985). Dua aspek linguistik yang wajar diberikan penekanan ialah linguistik diakronik (rekonstruksi dan klasifikasi) dan sosiolinguistik. Penelitian dalam aspek pertama membolehkan penjejakan DP dan kedudukannya dalam salasilah Bahasa Melayu Purba selain dapat pula menyembulkan ciri inovasi dan retensi yang berguna dalam membuat pengelompokkan dialek ini. Kajian rintis telah pun diusahakan oleh M. Tarmizi (2011) dalam tesis sarjana beliau yang melakukan rekonstruksi dialek purba yang digelar Dialek Hulu Pahang Purba. Beberapa penemuan menarik berjaya ditonjolkan, namun masih memerlukan penelitian lanjut. Antara penemuan itu ialah penyatuan diftong Melayik Purba *aw dan *ay kepada Dialek Hulu Pahang Purba *a. Penemuan ini menambah lagi ciri khas/inovasi khas dialek Pahang selepas Collins mengutarakan satu ciri. Bagi aspek kedua pula, walaupun telah dicuba oleh Marlyna (2009) di Pekan, penting untuk membuktikan dakwaan bahawa DP merupakan sebuah bahasa koine.⁹

⁹ Bahasa koine merujuk kepada sejenis bahasa setempat yang, secara konvensinya, dipersetujui oleh penuturnya untuk digunakan sebagai wahana komunikasi harian (Crystal 2003: 252). Dakwaan mengainya dilontarkan oleh Collins dalam komunikasi peribadi salah seorang penulis makalah ini (M. Tarmizi). Menurut Collins, penduduk di Pahang, di kawasan pedalaman terutamanya (seperti Hulu Tembeling, Hulu Jelai dan kemungkinan juga Kechau) akan melenturkan ciri khas varian mereka apabila berkomunikasi dengan penduduk dari kawasan yang lain.

Kesimpulan

Makalah ini secara khususnya telah membincangkan hasil penelitian yang dilakukan terhadap DP. Daripada perbincangan tersebut nyatanya masih banyak lagi penelitian yang perlu dilakukan, dan dalam makalah ini diutarakan dua perkara yang perlu diberi penekanan dalam usaha penelitian selanjutnya. Memang tidak dinafikan kedua-duanya masih lagi terbatas jika diukur dari segi matlamat penelitian dialek oleh Bloomfield (1992) misalnya. Namun, sekurang-kurangnya kedua-dua perkara itu mampu memberi wawasan yang lebih jelas mengenai DP.

Rujukan

- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajid Che Kob & M. Tarmizi Hasrah. 2009. Dialek Melayu Pahang: Tinjauan di Sungai Jelai. *Jurnal Persatuan Linguistik* 9: 61-76.
- Asiah Idris. 1989. Fonologi dialek Pahang: Satu kajian awal di Kampung Sentang. *Jurnal Dewan Bahasa* 6: 415-431.
- Asmah Hj. Omar. 1977. *Kepelbagaian fonologi dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1985. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1991. *The phonological diversity of the Malay dialects*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2005. *Alam dan penyebaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2008a. *Susur galur bahasa Melayu*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bellwood, Peter. 1997. *Prasejarah kepulauan Indo-Malaysia*. Jakarta: Gramedia.
- Bloomfield, Leonard. 1992. *Bahasa*. Terj. Alias Mahpol, Kamaruzzaman Mahayiddin dan Noor Ein Mohd. Nor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. 1972. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cant, R. G. 1973. *An historical geography of Pahang*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. Terj. Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James. T. 1983a. *Dialek Ulu Terengganu*. Monograf 8, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. 1983b. Dialek Pahang: rangka pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa* 27: 7-29; 99-118.

- Collins, James T. 1985a. Dialek Melayu di Kampung Landai, Pahang: Menuju penelitian tatabahasa Melayu di kalangan Orang Asli. *Jurnal Dewan Bahasa* 7: 477-493.
- Collins, James T. 1985b. Dialek Melayu Pulau Tioman dan rekonstruksi Bahasa Melayu Purba. *Jurnal Dewan Bahasa* 5: 369-383
- Collins, James T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1989a. *Antologi dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1996. *Khazanah dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. 1998. Bahasa Melayu Hulu Tembeling: menjejaki sejarah Semenanjung. *Jurnal Dewan Bahasa* 2: 145-157.
- Collins, James T. 1999a. *Wibawa bahasa: Kependidikan dan kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1999b. Negeri dan bahasa: Sempadan politik, sempadan linguistik. Dlm. Wan Hashim Wan Teh dan Daniel Perret (Pnysn.), *Di Sekitar konsep negeri*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Hendon, Rufus. 1966. *The phonology and morphology of Ulu Muar Malay (Kuala Pilah district, Negeri Sembilan, Malay)*. New Haven: Department of Anthropology, Yale University.
- Kelsall, J. H dan Ridley, H. N. 1894. Account of a trip up the Pahang, Tembeling and Tahan rivers in an attempt to reach the Gunung Tahan 1891. *JSBRAS* 25: 33-56
- Linehan, W. 1936. *A history of Pahang*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
- Marlyna Maros. 2009. *Dialek Pekan: Penggunaan dan pengejalan*. Makalah yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALI) yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, UKM, pada 10-11 Mac 2009.
- Maslida Yusof. 2007. *The relationship of verbs meaning in Pahang Malay dialects*. Makalah yang dibentangkan di Free Linguistic Conference yang dianjurkan oleh University of Sydney, Sydney Australia pada 6-7 Oktober 2007.
- M. Tarmizi Hasrah. 2009. *Dialek Melayu Hulu Pahang: Tinjauan di Sungai Jelai*. Latihan ilmiah, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- M. Tarmizi Hasrah. 2011. *Rekonstruksi dan klasifikasi Dialek Hulu Pahang Purba*. Tesis sarjana, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- M. Tarmizi, Rahim Aman dan Shahidi A. H. 2010. Variasi dialek Pahang: Keterpisahan berasaskan aliran sungai. *Jurnal Melayu* 5: 315-332
- Norsuhaila Samat. 2009. *Klasifikasi dialek Raub*. Tesis sarjana, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Strurock, A. J. 1912. Some notes on the Kelantan dialects, and some comparisons with the dialects of Perak and Central Pahang. *JSBRAS* 62: 1-7.
- Wan Sulaiman Mohd Noor. 1983. *Fonologi dialek Pahang: Kajian permulaan di sekitar Padang Tengku*. Latihan ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaharani Ahmad. 1992. *Perak Malay dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.